From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 25 July, 2022 8:21:48 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KLINIK BERSAMA DEKAN SEDIA KONGSI IDEA DAN ISU BERSAMA STAF SERTA PELAJAR

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 JULAI 2022 / 25 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah dan Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Ihsan Pusat Pengajian

KLINIK BERSAMA DEKAN SEDIA KONGSI IDEA DAN ISU BERSAMA STAF SERTA PELAJAR



UUM ONLINE: Pusat pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) menyambut baik hasrat Naib Canselor dengan mengadakan 'Klinik Bersama Dekan' secara ‘walk-in’ bagi membuka peluang kepada staf dan pelajar untuk berkongsi idea, cadangan dan isu secara lebih dekat.

Antara pusat pengajian yang telah memulakan klinik tersebut ialah Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan (SEFB) dan Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS).

Dekan TISSA-UUM, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf berkata, pihaknya telah memulakan sesi pertemuan bersama staf dan pelajar itu sejak penghujung Jun lalu sebagai menyahut seruan Naib Canselor.

Menurutnya, sejak ia mula dibuka kepada staf dan pelajar, sambutan diterima menggalakkan kerana rata-ratanya bukan sahaja mengutarakan masalah dihadapi, malah turut berkongsi pendapat dan idea bagi penambahbaikan dari aspek akademik dan juga tadbir urus pusat pengajian itu sendiri.

"Saya berterima kasih kepada semua yang telah meluangkan masa bertemu dan kita akan berusaha untuk membantu di peringkat pusat pengajian ini," katanya.

Bagi Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid pula, beliau mengadakan Sesi Santun Kasih Bersama Dekan SMMTC pada setiap Khamis, minggu pertama dan ketiga bermula 21 Julai lalu di pejabatnya.

“Inisiatif ini diambil memandangkan keperluan kepada satu platform yang membolehkan semua staf bertemu dekan tanpa sebarang temu janji dan pada masa sama sebagai dekan akan menjadi lebih cakna dengan isu dan permasalahan yang dihadapi mereka.

“Kita faham terdapat pelbagai isu yang dihadapi oleh staf tetapi mereka tidak mahu berkongsi dengan orang lain. Jadi melalui sesi ini, staf dapat akses terus kepada dekan dan berkongsi apa sahaja yang terbuku atau tertangguh sebelum ini,” ujarnya.

Malah katanya, staf juga dapat memberikan cadangan penambahbaikan kepada sebarang isu yang timbul sama ada melibatkan individu, mahupun pusat pengajian secara keseluruhannya.

Di SEFB pula, Dekannya, Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri berkata, sesi perkongsian santai antara dekan dengan pemegang taruh seperti pelajar dan staf menyediakan ruang khusus kepada mereka untuk menyampaikan segala maklumat secara langsung dengan dekan bagi menyuarakan pendapat dan aduan untuk tindakan pihak pengurusan pusat pengajian.

“Sejak ia mula dibuka, sambutan menggalakkan walaupun ada di kalangan pelajar dan staf yang mendapat khidmat nasihat di luar waktu perundingan, malah saya percaya warga SEFB dapat bekerjasama sebagai satu pasukan yang kuat dan saling membantu satu sama lain bagi mencapi matlamat pusat pengajian,” katanya.

Sementara itu, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), SMMTC, Hamid Mat Hashim menyambut baik inisiatif ini memandangkan sebelum ini tiada platform khas diwujudkan bagi membolehkan staf sama ada akademik atau pentadbiran untuk mengutarakan sebarang isu, permasalahan atau cadangan.

Menurutnya, hal ini mungkin kerana kekangan masa dan kesibukan jadual, justeru dia akan memanfaatkan ruang dan peluang yang disediakan itu demi kebaikan kedua pihak.

“Kita sedia maklum, kekangan masa dan tugas masing-masing menyebabkan staf sukar membuat janji temu bersama dekan, jadi dengan adanya sesi seumpama ini diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya.

“Menariknya, tidak ada staf lain yang dibenarkan ikut serta dalam sesi ini, jadi perbincangan akan lebih terbuka dan telus dengan harapan ia akan dapat membantu bukan sahaja demi kebaikan pusat pengajian malah dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul," katanya.

Klinik atau sesi bersama dekan yang dianjurkan Pejabat Dekan Pusat Pengajian itu merupakan susulan atau idea cetusan Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah yang menggerakkan Klinik Naib Canselor bermula pada April lalu hanya dibuka setiap Khamis pada minggu kedua dan keempat sahaja dari jam 2.30 hingga 5.30 petang.

Klinik itu bertujuan untuk berkongsi idea, pandangan dan isu yang ingin diutarakan sama ada staf mahupun pelajar universiti ini terus kepada Naib Canselor.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.